

Galak pelajar ceburi perniagaan

► Seramai 2,300 pelajar UMS sertai ekspo keusahawanan

UB 8.5.2013 AG
Oleh S. CONNIE PEARL SUIL
conypearl09@gmail.com

KOTAKINABALU: Seramai 2,300 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil bahagian dalam Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan ke-8 yang dilancarkan kelmarin.

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr Vincent Pang berkata aktiviti itu secara tidak langsung akan membuka minda pelajar untuk meningkatkan penyertaan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan selain memperolehi ilmu pegetahuan.

“Ekspo yang berlangsung selama lapan hari ini juga akan menggalakkan pelajar kita dalam pengeluaran idea serta produk baru yang mampu menarik para pelanggan untuk membeli barangan yang dipasarkan.

“Ekspo yang berlangsung selama lapan hari ini juga akan menggalakkan pelajar kita dalam pengeluaran idea serta produk baru yang mampu menarik para pelanggan untuk membeli barangan yang dipasarkan. Pengalaman ini akan membantu pelajar kita untuk berjaya dalam bidang keusahawanan kelak.”

DR VINCENT PANG

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa



ANANTHA (tengah) memotong reben sebagai simbolik pelancaran.



SITI (kanan) dan ahli kumpulannya menunjukkan penanda buku yang dihasilkan.

“Pengalaman ini akan membantu pelajar kita untuk berjaya dalam bidang keusahawanan kelak,” katanya dalam ucapan pelancarannya pada Ekspo terbabit, di sini kelmarin. Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Dr Anantha Raman

Govinsamy.

Sementara itu, salah seorang pelajar yang menyertai aktiviti itu, Siti Sabariah, 22, berkata kumpulannya yang terdiri daripada 12 pelajar Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial memilih untuk meneroka pasaran penanda buku yang dilihat mendapat permintaan yang tinggi.

“Kami telah melakukan kajian melalui laman sesawang Facebook untuk meninjau kehendak pelanggan sebelum memulakan bisnes ini,” katanya.

Katanya, kumpulan mereka juga telah menerima tempahan yang agak memberangsangkan melalui laman sosial selain pelanggan yang datang ke gerai pameran.



MOHD TAUFIK (kiri) dan kumpulannya di gerai jualan.



ZAKI (dua kanan) dan kumpulannya menghasilkan tat telur.

Siti berkata, pelanggan mereka bukan sahaja terdiri daripada pelajar UMS tetapi juga di luar kampus termasuk sekolah menengah.

“Produk kami adalah unik serta edisi terhad kerana kami hanya menghasilkannya apabila ada tempahan. Ini bermakna setia penghasilan penanda buku kami adalah berbeza dan dibuat mengikut kehendak pelanggan,” katanya.

Menurutnya, aktiviti keusahawanan itu telah membuka mindanya untuk mencari pendapatan sampingan selepas tamat pengajian.

“Daripada terus menganggur, mereka yang tidak bekerja boleh meneroka dan berusaha untuk menghasilkan pendapatan sampingan mengikut kreativiti masing-masing,” katanya.

Mohd Taufik, 21, dan kumpulannya yang terdiri seramai 12 orang yang

hampir keseluruhannya lelaki menghasilkan produk yang begitu kreatif iaitu kotak pensil daripada zip.

“Kotak pensil zip yang dijual pada harga RM5 ini sudah ditempah oleh beberapa pelanggan walaupun baru beberapa minit dipasarkan,” katanya.

Katanya, mereka hanya menghasilkan sebanyak 40 kotak pensil dan ternyata mendapat permintaan yang amat memberangsangkan.

Manakala pelajar Sejarah, Zaki Rashid, 22, dan 11 ahlinya yang lain memilih sesuatu yang terbukti membuahkan hasil berdasarkan pengalaman individu yang lain iaitu menjual tat telur.

“Kami menghasilkan sebanyak 50 tat telur seawal pagi tadi dan menjualnya pada harga RM2.50 untuk dua tat telur. Kami berjaya menjana keuntungan sebanyak 50 sen bagi setiap tat telur yang berjaya di jual,” katanya.